

Matrix Concepts sasar jualan RM900 juta

Oleh HARADIAN SHAH HAMDAN

ekonomi@utusan.com.my

■ SEREMBAN 18 OGOS


SYARIKAT pemaju harta tanah, Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix Concepts) menyasarkan jualan bernilai RM900 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017.

Pengerusinya, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, di sebalik sentimen lemah dalam pasaran harta tanah, syarikat itu telah meraih keuntungan bersih RM260.9 juta daripada RM912.2 juta pendapatan yang diperoleh sepanjang tempoh 15 bulan berakhir 31 Mac lalu.

Katanya, sasaran jualan itu dibuat berdasarkan permintaan untuk kediaman yang meningkat di Bandar Sri Sendayan di sini berikutan pembangunan perbandaran bersepadu dan harga yang berpatutan.

“Kita percaya dalam menyediakan nilai hebat kepada pembeli rumah dan ini terbukti apabila Bandar Sri Sendayan berjaya memenuhi permintaan pasaran dan kini telah didiami oleh 30,000 penduduk.

“Perumahan terbaharu yang dilancarkan pada Jun lalu iaitu Surianaman 2B mendapat permintaan yang tinggi dan telah terjual hampir 70 peratus sehingga 31 Julai lalu. Projek itu menawarkan 232 unit rumah teres dua tingkat dengan nilai pembangunan berjumlah RM154 juta,” katanya dalam



MOHAMAD HASLAH MOHAMAD AMIN (kiri) bersama Lee Thian Hock menunjukkan buku laporan tahunan Matrix Concepts Holdings Bhd. selepas mempengerusikan mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Seremban, semalam. - UTUSAN/ABD RAZAK AID

sidang akhbar selepas Mesyuarat Agung Tahunan Matrix Concepts di D'Tempat di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Urusan Kumpulan Matrix Concepts, Datuk Lee Tian Hock.

Dalam pada itu, Mohamad Haslah berkata, dalam tempoh tiga bulan antara 1 April hingga 30 Jun lalu, syarikat telah melancarkan projek harta tanah bernilai lebih RM400 juta di Bandar Sri Sendayan dan Bandar Sri Impian di Kluang, Johor.

Jelasnya, Matrix Concepts turut meningkatkan jumlah projek komersial bagi pelanggan yang berminat.

“Walaupun, penjualan perumahan mampu milik menjadi keutamaan namun kita mahu melancarkan lebih banyak harta tanah komersial seiring dengan keperluan penduduk yang bertambah di Bandar Sri Sendayan.

“Kita sentiasa mendapat permintaan daripada pemilik perniagaan yang menyedari perkembangan pesat Bandar Sri Sendayan sebagai sebuah hab perniagaan komersial,” katanya.

Selain Negeri Sembilan dan Johor, Matrix Concepts yang ditubuhkan pada 1996 juga telah melancarkan projek perumahan di Melbourne, Australia.